

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 10 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13681
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) bilangan Klinik Kesihatan yang melaksana skim *extended hours* serta jumlah kehadiran pesakit mengikut tahun dan purata kehadiran harian untuk setiap fasiliti tersebut sejak program ini dimulakan; dan
 - (b) berapa jumlah dan purata elaun yang dibayar kepada setiap staf dalam skim ini pada tahun 2023 dan tahun 2024.

2. PN-1541-L13751
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
 - (a) apakah pelan strategik Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam sektor kritikal tanpa menjejaskan produktiviti dan daya saing negara; dan
 - (b) apakah jaminan Kerajaan bahawa rakyat tempatan akan mendapat peluang pekerjaan dengan gaji yang berpatutan tanpa eksploitasi majikan yang sering memilih buruh murah asing untuk mengurangkan kos operasi.

3. PN-1541-L13501
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kementerian untuk meneruskan kesinambungan kerja menaik taraf Jalan Persekutuan FT004 sehingga ke daerah Baling seterusnya meliputi keseluruhan laluan FT004 sehingga ke Gerik, Perak.

4. PN-1541-L13837
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah pelan perancangan untuk tenaga nuklear akan diteruskan dalam RMk-13 dan apakah strategi holistik pembangunan, peranan Agensi Nuklear Malaysia dan sektor swasta dalam aspek keselamatan, kos, dan pemantauan risiko sekiranya diteruskan.
5. PN-1541-L13887
Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha untuk memberikan insentif dan pengiktirafan kepada para pelukis di Pasar Seni dalam pengembangan seni budaya.
6. PN-1541-L13540
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah hasil sawit negara kukuh sebagai produk mampan dan berkualiti tinggi yang diiktiraf di peringkat global, selaras dengan pelaksanaan piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) MS2530:2022 (MSPO 2.0).
7. PN-1541-L13727
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah peminjam PTPTN sehingga tahun 2024 serta apakah statistik bagi jumlah peminjam yang tidak mempunyai tunggakan dan juga jumlah peminjam yang masih mempunyai tunggakan.
8. PN-1541-L13130
Senator Tuan Isaiah a/I D Jacob minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan imbuhan kepada atlet OKU yang berjaya memenangi pingat di peringkat antarabangsa adalah setanding dengan atlet normal, sebagai tanda penghargaan terhadap usaha mereka yang turut mengharumkan nama negara.
9. PN-1541-L13464
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah sasaran SDG (Matlamat Pembangunan Mampan) dan ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) diaplikasikan dalam aspek pemeraksanaan wanita di Malaysia.

10. PN-1541-L13264

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneroka penggunaan teknologi seperti kereta pandu sendiri atau sistem kereta api tanpa pemandu serta apakah persediaan yang telah dibuat untuk mengadaptasi teknologi tersebut.

11. PN-1541-L13694

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan perumahan baru yang dijual kepada Orang Asli di dalam kawasan Tanah Rizab Orang Asli; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk menjamin generasi baru Orang Asli supaya mereka mempunyai rumah mampu milik di kawasan rizab mereka.

12. PN-1541-L13374

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kerajaan bagi menyuraikan aliran trafik di Bandar Kota Bharu yang sering sesak dan bakal menerima lonjakan aliran trafik apabila siapnya jambatan baharu daripada Palekbang ke Kuala Besar; dan
- (b) apakah status permohonan menaik taraf laluan FT223 dari persimpangan Wakaf Mek Zainab ke Persimpangan Kuala Besar.

13. PN-1541-L13170

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan strategi bagi menangani isu kawalan harga dan stok barang keperluan sempena musim perayaan yang panjang di awal suku tahun pertama 2025 ini.

14. PN-1541-L13190

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah punca dan tindakan diambil oleh Kementerian berkenaan keadaan liputan internet yang tidak wujud atau terlalu lemah di beberapa tempat seperti di Sarikei, Belaga dan Ulu Baram walaupun menara telekomunikasi telah banyak dibina dan hal ini akan menjejaskan pembelajaran di sekolah pedalaman.

15. PN-1541-L13220

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah dasar Amerika Syarikat untuk mengenakan tarif 10 peratus ke atas barangan import dari China bermula 1 Februari 2025 berpotensi menarik syarikat multinasional untuk memindahkan operasi ke Malaysia; dan
- (b) apakah peluang yang boleh dinikmati negara khususnya dari segi pelaburan langsung asing (FDI) dan potensi eksport negara melalui dasar yang dibawa oleh Presiden Amerika Syarikat ketika ini.

16. PN-1541-L13803

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi Kerajaan dalam menangani *hooliganisme* dalam bola sepak dan mencegah perkara yang tidak diingini daripada berlaku pada pertandingan bola sepak.

17. PN-1541-L13629

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan pihak Kementerian bagi memastikan tempat letak kenderaan yang mencukupi di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu, Sabah.

18. PN-1541-L13274

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Malaysia bekerjasama dengan organisasi seperti (Food and Agriculture Organization) FAO atau ASEAN dalam memperkukuh sekuriti makanan serantau termasuk perkongsian teknologi dan respons kepada krisis; dan
- (b) apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang digunakan untuk menilai keberkesanan dasar sekuriti makanan sedia ada serta adakah terdapat pelan pemantauan daripada Kementerian.

19. PN-1541-L13307

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah program-program belia yang sedia ada boleh diintegrasikan dengan prinsip MADANI seperti keterangkuman, kebersamaan dan kesejahteraan.

20. PN-1541-L13876

Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) untuk memastikan bahawa pensyarah-pensyarah muda yang baru memperoleh ijazah doktor falsafah diberi kemahiran penyampaian kuliah daripada sudut pedagogi dan andragogi bagi mewujudkan keberkesanan kuliah.

21. PN-1541-L13254

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meneliti pindaan Perkara 122AB pada tahun 1994 yang bercanggah dengan Perkara 161E(2)(b) perlembagaan dan sekiranya ya, adakah Kerajaan akan mengambil langkah segera untuk memansuhkan Perkara 122AB dan mengembalikan semula hak berperlembagaan Sabah dan Sarawak seperti yang dijamin di bawah Perjanjian Malaysia 1963 dan perlembagaan.

22. PN-1541-L13317

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam mengatasi isu silibus pembelajaran yang semakin berat sehingga membebankan pelajar dan menyebabkan tekanan mental.

23. PN-1541-L13284

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah peratusan warga emas yang tinggal di pusat jagaan awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berbanding dengan jumlah keseluruhan warga emas di Malaysia serta apakah faktor utama yang mempengaruhi pilihan mereka untuk tinggal di pusat jagaan tersebut.

24. PN-1541-L13161

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah drastik yang telah diambil oleh Kerajaan melalui kerjasama Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) dalam meningkatkan advokasi para pengguna jalan raya sekali gus mengurangkan insiden nahas kemalangan jalan raya.

25. PN-1541-L13743

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan asas untuk memperkenalkan caj tunggu sedia (standby charge) sebanyak RM14/kWp sebulan dan bagaimana kadar ini dikira.

26. PN-1541-L13564
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mekanisme dan strategi Kementerian dalam membendung kadar kebangkrapan golongan penjawat awam yang makin meningkat kerana memilih untuk berhutang dengan koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti kredit bagi menutup hutang yang sedia ada.
27. PN-1541-L13554
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perincian khusus mengenai pembentukan Jawatankuasa Kabinet Kesihatan Nasional, dan bagaimana Kementerian dapat memastikan keberkesanan jawatankuasa ini dalam menangani pelbagai isu berbangkit dalam sektor kesihatan dalam tempoh 12 bulan pertama penubuhannya.
28. PN-1541-L13269
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memastikan pembangunan perumahan masa depan tidak memberi kesan negatif terhadap alam sekitar dan memastikan ia dilaksanakan secara berterusan dalam setiap projek perumahan.
29. PN-1541-L13667
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan Indeks Jisim Tubuh (BMI) dengan bacaan 25 ke bawah untuk pengurusan tertinggi seperti yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mewajibkan bacaan BMI di bawah 28 untuk kenaikan pangkat dan adakah langkah ini akan dikuatkuasakan tahun 2025 ini.
30. PN-1541-L13835
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) status peletakan jawatan Naib Cansoler Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang berlaku baru-baru ini; dan
 - (b) apakah tindakan susulan yang dilakukan oleh pihak Kementerian jika benar terdapat kes penyelewengan wang yang berlaku selepas Jabatan Audit Negara mengaudit UKM.

31. PN-1541-L13386

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memperketat kawalan keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand, khususnya di Kelantan yang sering menjadi laluan penyeludupan dan apakah status permohonan pembinaan tembok keselamatan serta zon penampungan di sepanjang 99km sempadan Sungai Golok dalam RMKe-13.

32. PN-1541-L13615

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Malaysia terhadap kenyataan Presiden Amerika Syarikat yang berhasrat mengambil alih Gaza dan memindahkan seluruh rakyat Palestin di Gaza ke negara-negara lain.

33. PN-1541-L13856

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi menarik lebih ramai pelancong Thailand khususnya di wilayah selatan negara itu untuk berkunjung ke Malaysia jika dibandingkan dengan jumlah rakyat Malaysia yang lebih ramai melancong ke Thailand.

34. PN-1541-L13661

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah intervensi Kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di Pahang untuk memperbaharui lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan lesen Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G), serta bantuan tanaman semula berkelompok (TSB) dari RISDA, permohonan elektrik dan bantuan musim tengkujuh apabila kerajaan Negeri Pahang menubuhkan Pahang Orang Asli Corporation.

35. PN-1541-L13123

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kementerian agar pelaburan oleh pelabur asing ke negara ini tidak melibatkan aset seperti tanah, tenaga, pelabuhan, lapangan terbang dan telekomunikasi yang akan mengugut keselamatan dan kedaulatan negara.

36. PN-1541-L13584

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan fokus dan kerangka kerja ekonomi oleh Kementerian bagi sektor pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) dengan sasaran menjadikan 3 kawasan hab pembangunan CCUS yang bakal memacu sektor baru ekonomi dan membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi di Malaysia.

37. PN-1541-L13444

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji untuk memperbaiki cara yang sedia ada dalam memperkasa kaedah pengurusan sisa elektrik dan elektronik (e-waste) iaitu konsep Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (EPR) supaya proses pengumpulan pembuangan bahan sisa ini berkesan.

38. PN-1541-L13780

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi mengawal penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) agar tidak disalahguna oleh sindiket penipuan serta adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai teknologi yang mencukupi untuk mengesan dan menghentikan sindiket penipuan yang menggunakan AI.

39. PN-1541-L13868

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan jumlah pemilik rumah yang telah bersetuju memajak bumbung rumah mereka kepada syarikat untuk pemasangan panel solar di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Fasa 1 yang telah dilancarkan pada Julai 2023.

40. PN-1541-L13427

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) status terkini penyediaan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan dan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan sesi libat urus dengan pihak kerajaan negeri serta swasta; dan
- (b) apakah mekanisme yang digunakan bagi mengukur karbon kredit untuk dijual kepada negara lain.

41. PN-1541-L13476

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah bilangan gerabak kereta api (*rolling stock*) yang optimum untuk memenuhi permintaan yang amat menggalakkan daripada rakyat bagi perkhidmatan tren ETS kendalian Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) dan apakah perancangan Kerajaan dalam menjana ekosistem perindustrian berasaskan kereta api di masa hadapan.

42. PN-1541-L13354

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan strategik bagi mengawal keselamatan di Beting Patinggi Ali sebagai usaha mencegah pencerobohan kapal asing ke dalam wilayah zon ekonomi eksklusif (EEZ) negara.

43. PN-1541-L13150

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca ibu bapa dari kaum Cina lebih gemar menghantar anaknya ke sekolah persendirian berbanding sekolah vernakular.

44. PN-1541-L13705

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perincian statistik jumlah doktor pakar dan doktor di hospital seluruh daerah di Sabah dan Sarawak serta pelan Kementerian untuk menambah jumlah doktor tempatan berikutan peletakan jawatan dan migrasi ke sektor swasta yang semakin meningkat.

45. PN-1541-L13724

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil kajian kes dan analisis jurang yang dilakukan terhadap undang-undang yang sedia ada, serta perbincangan kumpulan fokus yang dianjurkan dalam memastikan Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Pentadbiran Awam bersedia dapat dilaksanakan pada suku pertama tahun 2025.

46. PN-1541-L13634

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam membantu sektor koperasi berkembang dan menyumbang secara lebih efektif kepada ekonomi negara dengan perkembangan digitalisasi yang semakin berleluasa.

47. PN-1541-L13394
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang aktif di seluruh Sarawak dan sejauh manakah perancangan Kementerian bagi memperkasa struktur dan perkhidmatan PBS ini khususnya di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai balai bomba.
48. PN-1541-L13142
Senator Tuan Isaiiah a/l D Jacob minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini berkenaan pembinaan pusat sembelihan ayam di Pasar Borong Selayang dan berapakah kos pembinaan pusat sembelihan ayam tersebut.
49. PN-1541-L13410
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha intervensi pihak Kerajaan dalam menangani isu hakisan pantai yang semakin serius di sepanjang pesisir pantai negeri Terengganu.
50. PN-1541-L13200
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengekang secara berkesan terhadap pihak tertentu yang selalu memainkan isu agama, bangsa dan institusi diraja (3R) yang dilihat boleh menghasut rakyat untuk berpecah.
51. PN-1541-L13113
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang dan berapakah jumlah ahli daripada negeri Sarawak dan Sabah.
52. PN-1541-L13521
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah dapatan terkini berkenaan jumlah kelulusan untuk permohonan Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) bagi tahun 2024.
53. PN-1541-L13436
Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap dakwaan rasuah yang melibatkan beberapa Ahli Dewan Undangan (ADUN) di Sabah dijalankan secara telus, bebas dan tanpa sebarang pengaruh politik serta memastikan SPRM bebas dan integriti tidak tercalar.

54. PN-1541-L13815

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan kadar kelulusan Penduduk Tetap (PR) di Malaysia kekal rendah dan nyatakan jumlah permohonan serta pecahan pemohon mengikut negara yang berjaya mendapatkan PR serta kewarganegaraan; dan
- (b) berapakah jumlah sijil pelepasan kewarganegaraan yang telah dikeluarkan dalam tempoh lima tahun terakhir dan faktor penyebab kadar penolakan PR serta jumlah warganegara yang memilih untuk melepaskan kewarganegaraan Malaysia.

55. PN-1541-L13246

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mengurangkan kadar ancaman laman web di Malaysia yang mencecah 27.9 juta ancaman pada tahun 2024 yang meningkat sebanyak empat peratus daripada tahun 2023.

56. PN-1541-L13327

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status terkini dua buah ladang padi yang mini seluas 150 hektar yang terletak di Trusan Sapi, Beluran dan Kabatasan, Pitas yang diterajui oleh Lembaga Pertubuhan Peladang melalui peruntukan yang disalurkan pada tahun 2021 dan tahun 2022.

57. PN-1541-L13525

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membantu merencanakan pembangunan *Silver Valley Technology Park* (SVTP) di Chemor, Perak dan adakah rancangan ini mengambil kira peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sama ada di peringkat lepasan universiti dan teknikal serta vokasional.

58. PN-1541-L13362

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan punca dan masalah menyebabkan kesesakan di lebuh raya utama yang masih belum dapat diatasi, terutamanya pada musim cuti dan perayaan.

59. PN-1541-L13486

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi menangani isu kekurangan guna tenaga di sektor pertanian dalam kalangan warga tempatan dan adakah Kerajaan telah mengambil langkah untuk menarik minat generasi muda warga tempatan menceburi sektor pertanian dan perladangan bagi mengelakkan pergantungan kita kepada pekerja warga asing.

60. PN-1541-L13574

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik peningkatan jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di klinik dan hospital Kerajaan selepas skop Skim Perubatan Madani dikesilkan serta berlaku kenaikan premium insurans kesihatan secara mendadak.

61. PN-1541-L13795

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pelan Kerajaan dalam memperbaiki sistem pengangkutan awam di bandar-bandar utama bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

62. PN-1541-L13591

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memperketat pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pemalsuan logo halal pada produk makanan dan minuman.

63. PN-1541-L13235

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha atau inisiatif Kementerian untuk membantu golongan ibu bapa dalam kategori B40 bagi membayar yuran pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar ke universiti.

64. PN-1541-L13408

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan kaedah *point-to-point* dalam Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AwAS) telah memberi impak positif terhadap pengurangan kemalangan jalan raya dan adakah terdapat data terkini yang menunjukkan keberkesanannya.

65. PN-1541-L13342

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kementerian untuk meminda Akta Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 bagi membendung isu polemik penyalahgunaan logo halal oleh pengusaha kedai makan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah**

(6 Mac 2025)

- | | | |
|----|--|-------------------------------|
| 2. | *(D.R.62/2024) Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi] | |
| 3. | *(D.R.63/2024) Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi] | |
| 4. | *(D.R.1/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Perpaduan Negara] | |

5. *(D.R.47/2024) Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Komunikasi]

6. *(D.R.3/2025) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

7. *(D.R.5/2025) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

8. *(D.R.4/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

9. *(D.R.2/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

10. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

11. *(D.R.6/2025) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

12. *(D.R.7/2025) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

13. *(D.R.8/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Kewangan]

14. *(D.R.9/2025) Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Perdana Menteri]

15. *(D.R. 10/2025) Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Ekonomi]

16. *(D.R.11/2025) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

17. *(D.R.12/2025) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

18. *(D.R.13/2025) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

19. *(D.R.14/2025) Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Kewangan]

20. *(D.R.15/2025) Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Perdana Menteri]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat Oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 25	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Bagi Tahun 2023	10 Mac 2025
ST. 34	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Perubatan Malaysia Bagi Tahun 2021	10 Mac 2025
ST. 35	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Perubatan Malaysia Bagi Tahun 2022	10 Mac 2025
ST. 36	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Bagi Tahun 2023	10 Mac 2025
ST. 37	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu Bagi Tahun 2023	10 Mac 2025
ST. 38	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal) (Kos Pembangunan bagi Perisian Komputer yang Dibuat Khas) 2024 P.U. (A) 327/2024 diwartakan pada 30 Oktober 2024	10 Mac 2025
ST. 39	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2024 P.U. (A) 328/2024 diwartakan pada 30 Oktober 2024	10 Mac 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 40	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Skim Hadiah Kemenangan Sukan) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 385/2024 diwartakan pada 27 November 2024	10 Mac 2025
ST. 41	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Sukuk Berkaitan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab) 2024 P.U. (A) 415/2024 diwartakan pada 19 Disember 2024	10 Mac 2025
ST. 42	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Sekuriti Islam) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 444/2024 diwartakan pada 23 Disember 2024	10 Mac 2025
ST. 43	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2022 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 451/2024 diwartakan pada 24 Disember 2024	10 Mac 2025
ST. 44	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 2024 P.U. (A) 386/2024 diwartakan pada 13 Disember 2024	10 Mac 2025
ST. 45	AKTA LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA 1998 Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Buah Kelapa Sawit) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 387/2024 diwartakan pada 16 Disember 2024	10 Mac 2025

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)

<u>TAHUN</u> <u>2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 47	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Bagi Tahun 2024	10 Mac 2025
ST. 48	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Bagi Tahun 2024	10 Mac 2025
ST. 49	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit Bagi Tahun 2024	10 Mac 2025